

SOALAN NO: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]**

**TARIKH : 8 Mac 2018**

**SOALAN : 15**

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian melaksanakan akta pakar psikologi untuk memantau semua pakar psikologi, serta bagaimana Kementerian akan memastikan bahawa tidak akan ada kekeliruan kerana di negara ini sudah ada Akta Kaunselor 1998 dan yang akan mengawal selia pakar psikologi dan juga pakar psikiatri.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terdapat beberapa profesion yang terlibat dalam memberikan penjagaan kesihatan mental iaitu Pakar Psikiatri (*doktor pakar*), dan Pegawai Psikologi (*Umum/Kaunseling/Klinikal*). Pengamal perubatan ini mempunyai kelayakan asas, bidang dan latihan yang berbeza serta dikawalselia secara berasingan dibawah akta yang berlainan.

## Tuan Yang di-Pertua,

Pakar Psikiatri pula adalah tertakluk dibawah Akta Perubatan 1971 (pindaan 2012) dan dikawalselia oleh Majlis Perubatan Malaysia. Di bawah Akta tersebut, pakar-pakar perubatan wajib berdaftar di bawah *National Specialist Register* (NSR) dan hanya mereka yang berdaftar sahaja boleh mengamal kepakaran masing-masing. Setiap pakar akan melalui suatu proses penilaian terlebih dahulu untuk memastikan kesahihan kelayakan dan kewibawaan mereka untuk mengamal kepakaran masing-masing sebelum didaftar dibawah NSR.

Pegawai Psikologi (*Umum*) perlu mempunyai kelayakan asas diperingkat sarjana muda dalam bidang psikologi umum. Manakala Pegawai Psikologi (*kaunseling*) perlu mempunyai kelayakan asas sarjana muda atau lebih dalam bidang kaunseling yang memberikan perkhidmatan kepada individu-individu yang mempunyai masalah kefungsian psikologikal harian. Berbeza pula bagi Pegawai Psikologi (*Klinikal*) kelayakan asas yang perlu dimiliki adalah diperingkat sarjana dalam bidang psikologi klinikal yang akan mengendalikan pesakit yang mempunyai masalah kesihatan mental dengan menggunakan kaedah pengujian psikologi dan psikoterapi.

Dari segi aspek pengawalseliaan amalan, seorang Pegawai Psikologi (*kaunseling*) perlulah berdaftar dibawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) dan dikawalselia oleh Lembaga Kaunselor Malaysia. Pegawai Psikologi (*Klinikal*) pula akan berdaftar dibawah Akta Profesional Kesihatan Bersekutu 2016 (Akta 774) dan akan dikawalselia oleh Majlis Profesional Kesihatan Bersekutu Malaysia yang akan dikuatkuasakan setelah kerangka penguatkuasaan disiapkan.